

10 FEB 2002

Pemuda-Fadzil

PEMUDA UMNO LUMUT DAN PASIR SALAK BUAT LAPORAN POLIS

IPOH, 10 Feb (Bernama) -- Pemuda Umno Bahagian Lumut dan Pasir Salak hari ini membuat laporan polis terhadap Presiden PAS Datuk Fadzil Noor berikutan kenyataannya yang mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghina ulama.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Lumut, Dr Zambery Abdul Kadir, berkata laporan itu dibuat kerana kenyataan Fadzil itu berunsur fitnah serta boleh menimbulkan suasana huru-hara dalam negara.

"Sebagai seorang presiden parti, beliau sepatutnya bertindak dengan cermat dan berhati-hati dengan kenyataan yang dibuat," katanya ketika dihubungi hari ini.

Seramai 30 anggota Pemuda Umno Bahagian Lumut dan Pasir Salak mengiringi Dr Zambery dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Pasir Salak, Zainol Fazi Paharuddin membuat laporan di Balai Polis Sitiawan pada pukul 9.30 pagi tadi.

Dr Zambery berkata Fadzil sepatutnya perlu berhati-hati sebelum mengeluarkan kenyataan itu kerana ia menimbulkan implikasi besar kepada suasana politik negara.

"Kami mendesak Fadzil memohon maaf kepada Dr Mahathir...(dia) perlu bertanggungjawab terhadap kenyataan itu dan kita meminta pihak berkuasa menyasat serta mengambil tindakan sewajarnya mengikut Akta Hasutan," katanya.

Lidah rasmi PAS, Harakah dalam terbitan terbarunya melaporkan Fadzil sebagai berkata ucapan Dr Mahathir "sangat memualkan dan memalukan diri sendiri serta umat Islam seluruh dunia apabila ia dilakukan di hadapan khalayak majoriti bukan Islam di Forum Ekonomi Dunia di New York, minggu lepas".

-- BERNAMA

KAY MOZ